


Wednesday, 8 May 2019

## Untung bersih KLCCP Stapled Group meningkat



KUALA LUMPUR: KLCCP Stapled Group yang terdiri daripada KLCC Property Holdings Bhd dan KLCC Real Estate Investment Trust (KLCC REIT) mencatatkan peningkatan 1.82 peratus dalam keuntungan bersih pada suku pertama 2019 kepada RM183.96 juta daripada RM180.67 juta pada suku sama tahun sebelumnya.

Dalam satu kenyataan kepada Bursa Malaysia, syarikat itu berkata ia meraih pendapatan dan keuntungan sebelum cukai (PBT) yang lebih tinggi daripada pelaburan hartanah pejabat dan runcitnya.

KLCCP Stapled Group berkata, pendapatan yang lebih tinggi dan PBT daripada perkhidmatan pengurusan kemudahannya juga menyokong pertumbuhan keuntungan bersih kumpulan.

“Jumlah perolehan kumpulan pada suku pertama berakhir 31 Mac lalu adalah sebanyak RM353.45 juta, lebih tinggi berbanding RM345.11 juta pada tahun sebelumnya.

“PBT juga meningkat sebanyak 0.9 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu disebabkan perbelanjaan penyelenggaraan dan pemuliharaan yang lebih rendah dan pemuliharaan caj utiliti yang lebih tinggi,” katanya.

Bagaimanapun, operasi hotel kumpulan mencatat keputusan yang lebih lemah walaupun mencatat kadar penghunian yang lebih tinggi.

KLCC Property dan KLCC REIT berkata perolehan daripada operasi hotel susut 3.4 peratus disebabkan persaingan sengit dalam pasaran jamuan (banquet) dan ia turut memberi kesan kepada prestasi segmen makanan dan minuman.

Sebagai tambahan, susut nilai yang lebih tinggi terhadap bilik yang diubahsuai sepenuhnya turut menyebabkan kerugian sebelum cukai yang dicatatkan bagi segmen hotel, katanya.

“Bergerak ke hadapan, kami menjangka prestasi keseluruhan bagi tahun ini akan kekal stabil dengan sebahagian besarnya disokong oleh perjanjian sewaan ruang pejabat jangka panjang.

Bagi suku pertama tahun kewangan 2019, kumpulan mengisytiharkan dividen keseluruhan sebanyak 8.8 sen sesaham termasuklah pengagihan pendapatan boleh cukai KLCC REIT sebanyak 6.28 sen dan dividen yang dikecualikan cukai KLCC Property iaitu sebanyak 2.52 sen.

(Source: <https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2019/05/561220/untung-bersih-klccp-stapled-group-meningkat>)